PAVILION
REAL ESTATE INVESTMENT TRUST

EKONOMI • 29/01/2026 09:30 PM

Pavilion REIT Catat Keuntungan Bersih RM466.91 Juta Pada Tahun Kewangan 2025

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Pavilion Real Estate Investment Trust (REIT) mencatatkan keuntungan bersih lebih tinggi sebanyak RM466.91 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Dis 2025, berbanding RM409.92 juta pada tahun sebelumnya.

Pendapatan juga meningkat kepada RM901.49 juta daripada RM845.87 juta pada Tahun Kewangan 2024, disumbangkan terutamanya daripada Pavilion Bukit Jalil berikutan kadar penghunian yang lebih tinggi dan peningkatan pendapatan yang dijana daripada pusat pameran, tempat letak kereta dan ruang pengiklanannya.

"(Ini) disokong oleh peningkatan pendapatan pengiklanan daripada skrin LED yang dinaik taraf di Elite Pavilion Mall dan pendapatan daripada dua hartanah yang baru diambil alih," katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Pada suku keempat Tahun Kewangan 2025, Pavilion REIT mencatatkan keuntungan bersih lebih tinggi sebanyak RM203.25 juta berbanding RM180.69 juta setahun sebelumnya, manakala pendapatan meningkat kepada RM232.09 juta daripada RM218.79 juta.

Keputusan hasil kasar tinggi itu disumbang oleh pendapatan sewaan daripada Banyan Tree Kuala Lumpur dan Pavilion Hotel Kuala Lumpur, yang diambil alih pada 20 Jun, 2025.

Sementara itu, Pavilion REIT dalam satu kenyataan berkata ia telah mencapai agihan tahun penuh sebanyak 10 sen seunit bagi Tahun Kewangan 2025, selaras dengan komitmennya untuk menyediakan pendapatan tetap dan stabil kepada pemegang unit.

Mengulas mengenai prestasi Tahun Kewangan 2025, ketua pegawai eksekutif Pavilion REIT Management Sdn Bhd, Datuk Philip Ho, berkata syarikat itu mendapat rangsangan daripada prestasi kukuh operasi, disokong oleh permintaan runcit yang berdaya tahan dan sumbangan positif daripada portfolionya yang semakin berkembang.

“Kami terus menumpu untuk memperkukuh prestasi aset, meningkatkan pengalaman selesa pembeli dan mengekalkan pengurusan kos dan modal yang berhemat bagi menyokong pertumbuhan jangka panjang yang mampan,” katanya.

Mengenai prospek pada masa depan, Pavilion REIT berkata syarikat itu terus optimis, disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh, kempen pelancongan Melawat Malaysia 2026 dan tumpuan berterusan terhadap peningkatan aset, perkongsian dan kecekapan operasi untuk memacu prestasi portfolio.

-- BERNAMA